

# Pesilat tempatan intai kejuaraan hatrik Piala TPM

[Start Well Stay Well](http://Nestle.Com.My/SWSW) Nestle.Com.My/SWSW

Support your child's immune system development. Click to learn more!



iklan oleh Google

09/09/2013 5:26pm

KUALA LUMPUR - Pesilat mahasiswa tempatan tekad memburu gelaran hatrik dengan mempertahankan kejuaraan dalam Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2013 di Dataran Pahlawan Melaka Megamall, Melaka, bermula Ahad ini.

Seramai 648 pesilat dari dalam dan luar negara termasuk 48 pesilat remaja akan menyertai kejohanan lima hari itu anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UHTM) dan Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka).

Setiausaha Bahagian Sukan Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Hazally Jali berkata, beliau optimis pesilat universiti tempatan mampu mempertahankan gelaran berikutan peningkatan prestasi mereka sejak kejohanan itu diperkenalkan pada 2010.

Beliau berkata, pesilat universiti luar negara yang akan mengambil bahagian ialah dari Algeria, Bangladesh, Brunei Darussalam, Indonesia, Nigeria, Singapura, Somalia, Thailand, Vietnam dan Yemen.

Secara kleseluruhan, seramai 648 pesilat universiti akan mengambil bahagian bagi kategori silat olahraga dan silat seni, katanya pada sidang media majlis prapelancongan kejohanan itu di sini hari ini. - Bernama